



**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER II – SESSION 2020 / 2021  
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : DDWW 3233  
*KOD KURSUS*

COURSE NAME : INTRODUCTION TO ISLAMIC ACCOUNTING  
*NAMA KURSUS PENGENALAN PERAKAUNAN ISLAM*

YEAR / PROGRAMME : 3 DDWW  
*TAHUN / PROGRAM*

DURATION : 3 HOURS (INCLUDING SUBMISSION HOUR)  
*TEMPOH 3 JAM (TERMASUK MASA PENGHANTARAN)*

DATE : APRIL / MAY 2021  
*TARIKH*

**INSTRUCTION / ARAHAN:**

1. Answer **ALL** questions and write your answers on the answer sheet.  
*Jawab **SEMUA** soalan dan tulis jawapan anda pada kertas jawapan.*
2. Write your name, matric no., identity card no., course code, course name, section no. and lecturer's name on the first page (in the upper left corner) and every page thereafter on the answer sheet.  
*Tulis nama anda, no. matrik, no. kad pengenalan, kod kursus, nama kursus, no. seksyen dan nama pensyarah pada muka surat pertama (penjuru kiri atas) kertas jawapan dan pada setiap muka surat jawapan.*
3. Each answer sheet must have a page number written at the bottom right corner.  
*Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat pada bahagian bawah penjuru kanan.*
4. Answers should be handwritten, neat and clear.  
*Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas menggunakan huruf cerai.*

**WARNING / AMARAN**

Students caught copying / cheating during the examination will be liable for disciplinary actions

and the faculty may recommend the student to be expelled from sitting for exam.

*Pelajar yang ditangkap meniru / menipu semasa peperiksaan akan dikenakan tindakan disiplin dan pihak fakulti boleh mengesyorkan pelajar diusir dari menduduki peperiksaan.*

## **ONLINE EXAMINATION RULES AND REGULATIONS PERATURAN PEPERIKSAAN SECARA DALAM TALIAN**

1. Student must carefully listen and follow instructions provided by invigilator.  
*Pelajar mesti mendengar dan mengikuti arahan yang diberikan oleh pengawas peperiksaan dengan teliti.*
2. Student is allowed to start examination only after confirmation of invigilator if all needed conditions are implemented.  
*Pelajar dibenarkan memulakan peperiksaan hanya setelah pengesahan pengawas peperiksaan sekiranya semua syarat yang diperlukan telah dilaksanakan.*
3. During all examination session student has to ensure, that he is alone in the room.  
*Semasa semua sesi peperiksaan pelajar harus memastikan bahawa dia bersendirian di dalam bilik.*
4. During all examination session student is not allowed to use any other devices, applications except other sites permitted by course lecturer.  
*Sepanjang sesi peperiksaan pelajar tidak dibenarkan menggunakan peranti dan aplikasi lain kecuali yang dibenarkan oleh pensyarah kursus.*
5. After completing the exam student must inform invigilator via the set communication platform (eg. WhatsApp etc.) about completion of exam and after invigilator's confirmation leave examination session.  
*Selepas peperiksaan selesai, pelajar mesti memaklumkan kepada pengawas peperiksaan melalui platform komunikasi yang ditetapkan (contoh: Whatsapp dan lain-lain) mengenai peperiksaan yang telah selesai dan meninggalkan sesi peperiksaan selepas mendapat pengesahan daripada pengawas peperiksaan.*
6. Any technical issues in submitting answers online have to be informed to respective lecturer within the given 30 minutes. Request for re-examination or appeal will not be entertain if complains are not made by students to their lecturers within the given 30 minutes.  
*Sebarang masalah teknikal dalam menghantar jawapan secara dalam talian perlu dimaklumkan kepada pensyarah masing-masing dalam masa 30 minit yang diberikan. Permintaan untuk pemeriksaan semula atau rayuan tidak akan dilayan sekiranya aduan tidak dibuat oleh pelajar kepada pensyarah mereka dalam masa 30 minit yang diberikan.*
7. During online examination, the integrity and honesty of the student is also tested. At any circumstances student is not allowed to cheat during examination session. If any kind of cheating behaviour is observed, UTM have a right to follow related terms and provisions stated in the respective Academic Regulations and apply needed measures.  
*Semasa peperiksaan dalam talian, integriti dan kejujuran pelajar juga diuji. Walau apa pun keadaan pelajar tidak dibenarkan menipu semasa sesi peperiksaan. Sekiranya terdapat sebarang salah laku, UTM berhak untuk mengikuti terma yang dinyatakan dalam Peraturan Akademik.*

Excerpts from online final exam guidelines  
*Petikan daripada panduan peperiksaan akhir dalam talian*  
*Universiti Teknologi Malaysia*

Answer ALL questions.

[Jawab SEMUA soalan.]

(TOTAL 100 marks)

[JUMLAH 100 markah]

**QUESTION 1 [SOALAN 1]**

- a) Describe **TWO** differences between Islamic accounting and conventional accounting.

[Terangkan **DUA** perbezaan antara perakaunan Islam dan perakaunan konvensional.] (5m)

- b) Al Hajj Bank provides RM500,000 four years of mudharabah contract. Profit is shared in the ratio of 3:2 between Al Hajj and the mudarib, respectively.

[Bank Al Hajj menyediakan RM500,000 untuk kontrak mudarabah bagi tempoh empat tahun.]

[Keuntungan dikongsi dalam nisbah 3:2 di antara Al Hajj dan mudarib, masing-masing.]

Assume that the mudharabah project:

[Andaikan bahawa projek mudharabah:]

| Year [Tahun] | Profit / Loss [Untung / Rugi] |
|--------------|-------------------------------|
| 1            | RM90,000                      |
| 2            | (RM20,000)                    |
| 3            | RM50,000                      |
| 4            | (RM30,000)                    |

**Required [Dikehendaki]:**

- i) Determine the value of profit and loss of Al Hajj Bank based on the income recognition principle at the end of contract.

[Tentukan nilai keuntungan dan kerugian Bank Al Hajj berdasarkan prinsip pengiktirafan hasil pada akhir tempoh kontrak.] (5m)

- ii) Prepare journal entries to record profit and loss of Al Hajj Bank based on the income recognition principle at the end of each period

[Sediakan catatan jurnal untuk merekod keuntungan dan kerugian Bank Al Hajj berdasarkan prinsip pengiktirafan hasil pada setiap akhir tempoh.]

(15m)

(Total (Jumlah) 25m)

## QUESTION 2 [SOALAN 2]

- a) The Islamic Bank of Baiah (IBB) finances Shouq for him to purchase power generation equipment for his electricity generation plant on January 1, 2018, through a murabaha contract. The purchase price of the equipment is RM25 million. Shouq pays a deposit of RM5 million to IBB as urboun. The murabaha contract is for 5 years and the markup is RM5 million. The murabaha price is repayable in five equal yearly instalments on December 31 of each year. Shouq paid the instalments on time every year until December 31, 2020. At the beginning of the fourth year, Shouq requested to terminate the contract with payment of the balance.

[Bank Islam Baiah (IBB) membiayai Shouq untuk membeli peralatan penjanaan kuasa untuk loji penjanaan elektriknya pada 1 Januari 2018, melalui kontrak murabaha. Harga pembelian peralatan adalah RM25 juta. Shouq membayar deposit RM5 juta kepada IBB sebagai urboun. Kontrak murabaha adalah selama 5 tahun dan tambah nilainya adalah RM5 juta. Harga murabaha akan dibayar dalam lima ansuran tahunan yang sama pada 31 Disember setiap tahun. Shouq telah membayar ansuran setiap masa setiap tahun sehingga 31 Disember 2020. Pada awal tahun keempat, Shouq meminta untuk menamatkan kontrak dengan pembayaran baki.]

The bank agreed to give him a rebate of the full balance of the remaining unearned profit. The bank accrues the profit equally over the term of the contract and follows AAOIFI accounting standards.

[Bank bersetuju untuk memberinya rebat baki penuh keuntungan yang belum diperolehi. Bank tersebut mengakru keuntungan sama rata sepanjang tempoh kontrak dan mengikuti piawaian perakaunan AAOIFI.]

### Required [Dikehendaki]:

- i) Calculate the murabaha selling price.

[Kira harga jualan murabaha.] (3m)

- ii) Calculate the yearly instalment.

[Kira ansuran tahunan.] (3m)

- iii) Calculate the profit earned each year.

[Kira keuntungan diperolehi untuk setiap tahun.] (3m)

- iv) Calculate the redemption amount Shouq needs to settle with the bank at the beginning of the fourth year.

[Hitung jumlah penebusan yang perlu Shouq jelaskan dengan bank pada awal tahun keempat.] (3m)

- v) Show the extract of the income statement and the statement of financial position of IBB in respect of the transaction at the beginning of the transaction and the end of 2018.

[Tunjukkan ekstrak penyata pendapatan dan penyata kedudukan kewangan IBB berkenaan dengan urus niaga pada permulaan urus niaga dan akhir tahun 2018.] (4m)

- vi) Show the journal entries for the termination of the murabaha.

[Tunjukkan catitan jurnal untuk penamatkan murabaha.] (4m)

- b) Explain the *shari'ah* requirements on the policy of charging penalty fee for default in repayment by customers.

[Terangkan keperluan shari'ah tentang polisi untuk mengenakan yuran penalti atas kelalaian dalam pembayaran balik daripada pelanggan.] (5m)

(Total (Jumlah) 25m)

### QUESTION 3 [SOALAN 3]

- a) Bank Halal Berhad entered into an ijarah contract with TM Berhad to lease equipment for a period of 3 years. Bank Halal Berhad purchased an equipment from a local trader on 1<sup>st</sup> of January 2018 for RM30,000. The Bank also incurred legal fees of RM250 relating to the ijarah contract, which the bank considered to be material.

[Bank Halal Berhad memeterai kontrak ijarah dengan TM Berhad untuk memajak peralatan untuk tempoh 3 tahun. Bank Halal Berhad membeli peralatan dari peniaga tempatan pada 1 Januari 2018 bernilai RM30,000. Bank juga menanggung yuran guaman sebanyak RM250 yang berkaitan dengan kontrak ijarah, yang dianggap oleh bank sebagai material.]

|  |                 |
|--|-----------------|
| <b>Other details about the ijarah are as follows:</b><br><b>[Butiran lain mengenai ijarah adalah seperti berikut:]</b> |                 |
| Fair value of equipment [Nilai saksama peralatan:]   |                 |
| At the beginning of 2018 [Pada permulaan tahun 2018]   | RM30,000        |
| At the end of the lease [Pada akhir pajakan]<br>i.e. 31 December 2020 [31 Disember 2020]                               | RM1,000         |
| Number of installments on quarterly basis<br>[Bilangan ansuran mengikut asas sukuan tahun]                             | 12              |
| Rentals at the end of each quarter/ [Sewaan pada akhir setiap suku tahunan]  | RM3,000         |
| Estimated useful life/ [Anggaran hayat]  | 3 years [tahun] |
| Estimated residual value at the end of useful life<br>[Anggaran nilai sisa pada akhir hayat]                           | RM2,000         |
| Estimated expenditure incurred in the second year<br>[Anggaran perbelanjaan pada tahun ke dua]                         | RM600           |

**Required [Dikehendaki]:**

Prepare journal entries to record the above ijarah contract in the books of Bank Halal Berhad assuming the lease was treated as Ijarah Muntahia Bitamleek through sale for a token consideration (agreed to be equivalent to 50% of the estimated residual value at the end of useful life) for the following periods:

*[Sediakan catatan jurnal untuk merekod kontrak ijarah di atas di dalam buku Bank Halal Berhad dengan andaian pajakan itu dianggap sebagai Ijarah Muntahia Bitamleek melalui penjualan untuk pertimbangan token (bersetuju untuk bersamaan dengan 50% daripada anggaran nilai sisa pada akhir hayat berguna ) untuk tempoh berikut:]*

- i) At the beginning of ijarah [Pada permulaan ijarah;] (5m)
  - ii) On receipt of first rental [Semasa penerimaan sewa pertama;] (5m)
  - iii) At the end of first year [Pada hujung tahun pertama;] (5m)
  - iv) At the end of ijarah term [Pada penghujung tempoh ijarah] (5m)
- b) Explain the differences between Operating Ijarah and Financing Ijarah.  
[Terangkan perbezaan antara Ijarah Operasi dan Ijarah Pembentukan.] (5m)  
**(Total (Jumlah) 25m)**

**QUESTION 4 [SOALAN 4]**

**Bank Moslem Malaysia Berhad**  
**Statement of Financial Position as at 31 December 2020**  
**[Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020]**

| <b>Assets/ (Harta)</b>  | <b>RM</b>                   |
|---|-----------------------------|
| Cash and Bank / ( <i>Tunai dan Bank</i> )   | 155,000,000                 |
| Deposits and placements with financial institutions/<br>( <i>Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan</i> )                           | 2,010,500,000               |
| Held-for-trading securities/ ( <i>Sekuriti untuk perdagangan</i> )  | 1,420,500,000               |
| Available-for-sale securities/ ( <i>Sekuriti untuk jualan</i> )   | 490,200,000                 |
| Statutory deposits with Bank Negara Malaysia/<br>( <i>Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia</i> )                                      | 250,500,000                 |
| Financing of customers/ ( <i>Pembentangan pelanggan</i> )   | 3,800,300,000               |
| Tax recoverable/ ( <i>Cukai boleh diperolehi semula</i> )   | 9,200,000                   |
| Bills receivable/ ( <i>Bil belum terima</i> )   | 127,300,000                 |
| Fixed Assets/ ( <i>Harta Tetap</i> )  | 350,000,000                 |
|   | <b><u>8,613,500,000</u></b> |
| <b>Liabilities/(Liabiliti)</b>  |                             |
| Deposit from customers/ ( <i>Deposit dari pelanggan</i> )   | 7,350,000,000               |
| Deposits and placements of banks and other financial institutions/<br>( <i>Deposit dan penempatan bank dan lain-lain institusi kewangan</i> ) | 50,500,000                  |
| Bills payable/ ( <i>Bil belum bayar</i> )   | 65,500,000                  |
|   |                             |
| Shareholders' Funds/ ( <i>Dana pemegang saham</i> )   |                             |
| Share capital/ ( <i>Modal saham</i> )   | 500,000,000                 |
| Reserves/ ( <i>Rizab</i> )  | 647,500,000                 |
|   | <b><u>8,613,500,000</u></b> |

Additional Information at the end of the year:

*[Maklumat tambahan pada akhir tahun:]*

- i) It is found that 10% of the bills receivable is non-recoverable and need to be written off. This provision has not been provided in the above Statement of Financial Position.  
*[Didapati bahawa 10% daripada bil-bil belum terima adalah tidak boleh dipulihkan dan perlu dilupuskan. Peruntukan belum lagi disediakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan di atas.]*

- ii) A total of RM400,000,000 values of available-for-sale securities of HH Berhad has been treated as a long term investment where the bank has no intention to liquidate and the bank intends to become the major shareholder of HH Berhad.

*[Sejumlah RM400,000,000 nilai sekuriti tersedia untuk jualan dari HH Berhad telah dianggap sebagai pelaburan jangka panjang di mana bank tidak mempunyai niat untuk mencairkan dan bank mempunyai niat untuk menjadi pemegang saham terbesar dalam HH Berhad.]*

**Required [Dikehendaki]:**

- a) Determine the amount of *zakat* payable by Bank Moslem Berhad for the financial year ended 31 December 2020 based on the **TWO** recommended methods of AAOIFI's FAS 9.

*[Tentukan amaun zakat perlu dibayar untuk Bank Moslem Berhad untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 berdasarkan **DUA** kaedah yang disarankan oleh AAOIFI FAS 9.]*

**(20m)**

- b) In your opinion, why Islamic banks are required to pay *zakat*?

*[Pada pendapat anda, mengapa bank Islam perlu membayar zakat?] **(5m)***

**(Total (Jumlah) 25m)**

**- END OF QUESTIONS [SOALAN TAMAT] -**